

D.R. 32/2009

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2010 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan 2010.

Pengeluaran dan peruntukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2010

2. Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi satu ratus lapan bilion enam ratus lapan puluh lapan juta dan enam ratus tiga belas ribu ringgit (RM108,688,613,000) daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2010 adalah dengan ini dibenarkan dan jumlah wang itu diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaun (RM)</i>
B. 1	Parlimen	66,289,900
B. 2	Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja	1,547,700
B. 3	Jabatan Audit	125,842,400
B. 4	Suruhanjaya Pilihan Raya	34,796,300
B. 5	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	44,017,300
B. 6	Jabatan Perdana Menteri	3,955,945,800
B. 7	Jabatan Perkhidmatan Awam	1,793,092,400
B. 8	Jabatan Peguam Negara	117,548,400
B. 9	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	156,845,500
B. 10	Perbendaharaan	2,295,431,500
B. 11	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	17,783,304,100
B. 12	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	3,984,800,100
B. 13	Kementerian Luar Negeri	450,481,200
B. 20	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	709,308,500
B. 21	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	2,494,702,400
B. 22	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	3,516,857,300
B. 23	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	860,970,100
B. 24	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	535,440,800
B. 25	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	376,575,600
B. 27	Kementerian Kerja Raya	1,490,643,000
B. 28	Kementerian Pengangkutan	925,588,600
B. 29	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	121,123,900
B. 30	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	586,159,200
B. 31	Kementerian Pelancongan	585,089,200
B. 32	Kementerian Wilayah Persekutuan	236,547,200

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaun (RM)</i>
B. 40	Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran	14,313,800
B. 41	Kementerian Pelajaran	25,521,429,700
B. 42	Kementerian Kesihatan	11,178,733,400
B. 43	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	1,158,423,300
B. 45	Kementerian Belia dan Sukan	326,322,200
B. 46	Kementerian Sumber Manusia	582,394,100
B. 47	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan	1,289,034,800
B. 48	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	1,043,234,500
B. 49	Kementerian Pengajian Tinggi	8,523,022,500
B. 60	Kementerian Pertahanan	9,101,142,900
B. 62	Kementerian Dalam Negeri	6,701,613,400
	JUMLAH	108,688,613,000

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi mengeluarkan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebanyak satu ratus lapan bilion enam ratus lapan puluh lapan juta dan enam ratus tiga belas ribu ringgit (RM108,688,613,000) untuk perkhidmatan bagi tahun 2010 dan supaya jumlah wang itu diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

[PN(U²)2166]